

Suee Lim dan Shamsuddin bertengkar kes liwat Anwar
Free Malaysia Today
8 April 2014
Oleh Adam Abu Bakar

SHAH ALAM: Hari Kedua, sidang Dewan Undangan Negeri Selangor kecoh seketika apabila wakil dari Pakatan Rakyat (PR) dan Barisan Nasional (BN) bertengkar berhubung ketelusan mahkamah dan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

ADUN Sekinchan, Ng Suee Lim (gambar) dalam perbahasan menjunjung titah Sultan Selangor mengkritik ketelusan sistem kehakiman negara terutamanya apabila melibatkan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa ada campur tangan pihak lain.

Bahkan beliau turut mengaitkan BN dengan saman sekumpulan ibu tunggal terhadap kerajaan negeri yang didakwa gagal menunaikan manifesto pilihan raya.

Tambahnya, mahkamah menolak saman itu sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) pada Mei lalu.

Kritikan ini mendorong tiga wakil BN, termasuk Ketua Pembangkang, Datuk Shamsuddin Lias bangkit membantahnya.

Turut bangkit untuk mencelah adalah wakil rakyat yang mewakili BN, iaitu ADUN Batang Kali, Mat Nadzari Ahmad Dahlan dan ADUN Dengkil, Shahrum Mohd Sharif.

Mat Nadzari mempersoalkan adakah Suee Lim dan PR kini mengakui ketelusan sistem kehakiman negara berikutan keputusan mahkamah membuang kes saman ibu tunggal tersebut.

Manakala, Suee Lim menjawab terdapat kes-kes tertentu yang mempunyai campur tangan kerajaan membawa kepada tarikh kes dipercepatkan secara luar biasa seperti kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

“Kes-kes mahkamah secara amnya telus cuma ada tangan-tangan ghaib dalam kes-kes tertentu seperti contoh kes Ketua Umum PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim,” katanya.

Shamsuddin membantah jawapan Suee dan mendakwa kes itu dilewatkan oleh Anwar sendiri yang telah lebih 60 kali memohon tundaan perbicaraan sejak 2009.

“Ini adalah sindrom pembangkang, bila mahkamah sebelahi mereka, ini baik.

“Bila tidak, macam-macam mereka kata,” balas Shamsuddin.

Dalam pada itu, Shamsuddin turut memohon penjelasan wakil rakyat Sekinchan berhubung Langkah Kajang kerana disifatkan tiada sinkronasi dengan tuntutan pilihan raya.

Suee Lim turut memaklumkan secara ringkas bahawa ia strategi rakyat jalankan tugas mereka sebagai ‘hakim negara’ membidas kehakiman negara sedia ada yang didakwa ada campur tangan dan mematahkan sentimen perkauman.

Tuduh menuduh itu berlarutan kira-kira sepuluh minit sehingga speaker Hannah Yeoh meminta Suee Lim meneruskan perbincangan beliau.

“Macam mana boleh sampai kes liwat dari isu jambatan ketiga ini,” kata beliau sinis.

Semalam Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam titah perasmian mesyuarat pertama penggal kedua sidang dewan negeri Selangor berkata baginda mahu semua ahli exco dan ADUN bekerjasama dan bersatu untuk memajukan negeri dan bukannya bersengketa tanpa sebab.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/08/ng-suee-lim-dan-shamsuddin-lias-bertengkar-kes-liwat-anwar/>